KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	09.08.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			

Harian Metro | Khamis 11.08.2022 @hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 23

lokal

Wajib guna khidmat MGP tahun depan jika mahu daki HSK

Melaka: Lebih 400 kemalangan dilaporkan berlaku membabitkan aktiviti pendakian di Hutan Simpan Kekal (HSK) di seluruh Semenanjung dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini.

Susulan itu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam perancangan menguatkuasakan beberapa syarat baharu kepada pendaki yang ingin memasuki HSK di Semenanjung termasuk menggunakan khidmat Malim Gunung Perhutanan (MGP), mulai tahun hadapan.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Datuk Mohd Ridza Awang berkata, penggunaan MGP akan disyaratkan khususnya membabitkan aktiviti pendakian di HSK berisiko bagi memastikan keselamatan pendaki terjamin dan mengurangkan kejadian kemalangan semasa aktiviti pendakian.

"Bagaimanapun pelaksanaan cadangan itu bergantung pada persetujuan kerajaan negeri dan tidak membabitkan semua 211 HSK yang dikenal pasti sebagai kawasan pendakian di seluruh Semenanjung.

"Jabatan Perhutanan negeri sudah diarahkan untuk mengenal pasti HSK berisiko yang perlu menggunakan perkhidmatan MGP dan kita akan cuba untuk jadikan ia sebagai satu syarat untuk pendakian selain mendapatkan permit

> "Jabatan Perhutanan negeri sudah diarahkan kenal pasti HSK berisiko"
> Mohd Ridza

mendaki kerana HSK kita dikategorikan sebagai hutan tertutup," katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus Asas MGP Negeri Melaka di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Perhutanan Negeri Melaka Khairun Nizam Abdul Rahim dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka Abu Bakar Katain.

Mohd Ridza berkata, syarat juga mungkin ditetapkan bagi penggunaan seorang Malim Gunung Perhutanan (MGP) bagi nisbah sekumpulan tujuh pendaki dalam memastikan kawalan dan pengurusan aktiviti pendakian yang lebih lancar dan teratur.

"Kita dapat lihat peningkatan tinggi dari segi pembabitan masyarakat dalam aktiviti rekreasi HSK terutama selepas sempadan negara dibuka kerana sebelum ini aktiviti rekreasi tidak dibenarkan susulan penularan Covid-19, selain ketidakpatuhan peraturan apabila pendaki masuk ke HSK tanpa kebenaran," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tiada pertindihan fungsi di antara MGP dan jurupandu alam semula jadi yang dilatih Jabatan Perhilitan kerana MGP memberi tumpuan dalam pengurusan pendakian berisiko di kawasan HSK manakala jurupandu alam semulajadi berperanan menjalankan aktiviti pendidikan alam semula jadi di kawasan taman negara dan kawasan semula jadi lain. - Bernama